05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PROSES PENGAJARAN GHAZAL OLEH JURULATIH GHAZAL DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH NEGERI JOHOR : SATU KAJIAN KES

**ABDUL RAZAK BIN ABD RAHMAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**FAKULTI SENI DAN MUZIK**
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2009**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PROSES PENGAJARAN GHAZAL OLEH JURULATIH GHAZAL DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH NEGERI JOHOR : SATU KAJIAN KES

ABDUL RAZAK BIN ABD RAHMAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28.10.2009

ABDUL RAZAK BIN ABD RAHMAN
M20071000072

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan perasaan penuh khusyuk dan rendah diri, puji-pujian dan kesyukuran tidak terhingga dipersembahkan ke hadrat Allah yang telah mengurniakan taufik dan hidayah serta daya kesungguhan kepada saya dalam menyempurnakan penulisan laporan projek ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan khas ditujukan kepada penyelia iaitu Encik Mohd Azam Sulong, pensyarah muzik di Jabatan Muzik, Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah banyak mencurahkan ilmu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya sehingga dapat menyempurnakan kajian ini.

Sejuta penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan bantuan, sokongan, galakan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan penulisan dan projek ini.

Begitu juga dengan segala khidmat, jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh mana-mana pihak untuk menyiapkan penulisan dan projek ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga akan diberkati, diberikan taufik dan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah (s.w.t.). Mudah-mudahan tugasan ini merupakan satu kesinambungan penyebaran ilmu demi memartabatkan institusi pendidikan di peringkat sekolah khususnya, seterusnya di peringkat negeri dan negara amnya.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga yang disayangi atas dorongan dan sokongan moral sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## Abstrak

Tujuan kajian yang dicadangkan adalah khusus untuk meninjau proses pengajaran muzik ghazal yang merangkumi kaedah dan teknik serta pendekatan pengajaran yang digunakan oleh seseorang jurulatih ghazal semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Fokus kajian ini memberi tumpuan terhadap proses pengajaran ensembel ghazal. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang tertumpu kepada kaedah kajian kes sebagai teras utama kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisa dokumen, temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian ini mendapati ensembel ghazal sesuai di jalankan dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai ensembel alat muzik tradisional pilihan. Hasil kajian ini juga menjadi panduan asas kepada guru-guru muzik untuk pengkaedahan pengajaran asas ensembel ghazal.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ABSTRACT

The main objective for the proposed research is to look into the teaching process of ‘Ghazal’ music which covers the technique, method as well as teaching approach used by any ‘Ghazal’s’ tutor during the learning and teaching process in co-curricular activities in school. This research emphasizes on the teaching process of the ensemble of ‘ Ghazal’. This research includes qualitative approach, focusing on the method of the subject case as the main core of the research. This research also includes document analysis, interview and observation. The outcome of the research reveals that the ensemble of ‘Ghazal’ is suitable to be carried out in the subject of Music (KBSM) as the optional traditional musical instruments. Music teachers are also adopting the outcome of this research as guidance for their basic teaching method of the ensemble of ‘Ghazal’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**KANDUNGAN**


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| **PENGAKUAN** | | | ii |
| **PENGHARGAAN** | | | iii |
| **ABSTRAK** | | | iv |
| **ABSTRACT** | | | v |
| **BAB** | **1** | **PENGENALAN** | |
| | 1.0 | Pendahuluan | 1 |
| | 1.1 | Latar Belakang Masalah | 1 |
| | 1.2 | Permasalahan Kajian | 2 |
| | 1.3 | Objektif Kajian | 3 |
| | 1.4 | Persoalan Kajian | 4 |
| | 1.5 | Kepentingan Kajian | 4 |
| | 1.6 | Batasan Kajian | 5 |
| | 1.7 | Definisi Istilah | 5 |
| | | 1.7.1 Proses pengajaran | 6 |
| | | 1.7.2 Ensembel | 6 |
| | | 1.7.3 Ghazal | 6 |
| | | 1.7.4 Jurulatih ghazal | 7 |
| | | 1.7.5 Aktiviti kokurikulum | 7 |
| | 1.8 | Kesimpulan | 7 |
| **BAB** | **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | |
| | 2.0 | Pendahuluan | 8 |
| | 2.1 | Pengenalan ghazal | 8 |
| | 2.2 | Sejarah ghazal dan perkembangan di Malaysia | 9 |
| | | 2.2.1 Ghazal Utara | 10 |
| | | 2.2.2 Ghazal Johor | 10 |
| | | 2.2.3 *Repertoire* Ghazal | 11 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.3 Konsep-konsep Proses Pengajaran 15
2.3.1 Pengertian Pengajaran 15
2.3.2 Teori Pengajaran 16

2.4 Kaedah Pengajaran 17
2.4.1 Definisi 17

2.5 Kaedah-kaedah Pengajaran 18
2.5.1 Kaedah Pengalaman Langsung 19
2.5.2 Kaedah Demontrasi 19
2.5.3 Kaedah Syarahan 21
2.5.4 Kaedah Tunjukcara 21
2.5.5 Kaedah Bermain 22

2.6 Teknik pengajaran 22
2.6.1 Definisi Teknik Pengajaran 23

2.7 Tujuan Teknik Pengajaran 23

2.8 Teknik-teknik Pengajaran 24
2.8.1 Teknik Latih Tubi 24
2.8.2 Teknik Soal Jawab 25
2.8.3 Teknik Perbincangan 25

2.9 Kaedah dan Teknik Pengajaran 27

2.10 Penentuan Pengajaran dan Pembelajaran 29

2.11 Konsep dan Suasana Emosi Bilik Darjah 31

2.12 Jenis-jenis Interaksi Kumpulan 31
2.12.1 Situasi 1 (Pendekatan memusatkan guru) 32
2.12.2 Situasi 2 (Pendekatan penerangan-perbincangan) 33
2.12.3 Situasi 3 (Pembelajaran secara aktif) 34

2.13 Kerangka Teoritik 35

2.14 Kesimpulan 36

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan 37

3.1 Rekabentuk Kajian 37


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Pemilihan Responden 38

3.3 Kaedah Mendapatkan Data 39

3.4 Pengumpulan Data 40
3.4.1 Pemerhatian (Observasi) 40
3.4.2 Temubual 41
3.4.3 Kaedah Rakaman Video dan Foto 42
3.4.4 Perisian Notasi 42

3.5 Matriks Pengumpulan Data 43

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data 43
3.6.1 Kaedah Trianggulasi 44

3.7 Kesimpulan 44

**BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.0 Pendahuluan 45

4.1 Ensembel Ghazal Johor 45
4.1.1 Fungsi Persembahan Ghazal 46
4.1.2 Alat-alat Muzik Ghazal 48
4.1.3 Repertoire Lagu-Lagy Ghazal 58
4.1.4 Pengenalan Teori Notasi Muzik 59

4.2 Analisis Kemahiran Asas Ensembel Muzik Ghazal 65
4.2.1 Panduan Asas Bermain Alat Muzik Ghazal 65
4.2.2 Menala / *Tuning* 65
4.2.3 Memulakan Permainan Ghazal 66
4.2.4 Imbangan Bunyi / *Balancing* 67
4.2.5 Kualiti Bunyi / *Tone* 68
4.2.6 Kombinasi Dalam Permainan Ghazal 69

4.3 PenilaianProses Pengajaran oleh Jurulatih 70
4.3.1 Pendahuluan / Set Induksi 70
4.3.2 Perkembangan 71
4.3.3 Penutup 72

4.4 Proses Pengajaran Oleh Jurulatih 72
4.4.1 Sesi Pertama 72
4.4.2 Sesi Kedua 78
4.4.3 Sesi Ketiga 87

4.5 Kesesuaian Permainan Ensembel Ghazal di Sekolah Menengah 89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.6 Kesimpulan 91

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan 92

5.1 Rumusan 92
5.1.1 Proses pengajaran dan pembelajaran ensembel muzik tradisional (Ghazal) 93
5.1.2 Kesesuaian ensembel ghazal sebagai ensembel muzik tradisional pilihan dalam sukatan mata pelajaran PendidikanMuzik KBSM 94

5.2 Cadangan 97
5.2.1 Cadangan Kajian Lanjutan 98

5.3 Kesimpulan 99


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**RUJUKAN** 100

**LAMPIRAN**

**Lampiran A** : Senikata Lagu-Lagu Ghazal

**Lampiran B** : Profile Pak Salleh

**Lampiran C** : Senarai Semak Temuduga

**Lampiran D** : Alat Muzik Ghazal

**Lampiran E** : Latihan Harmonium

**Lampiran F** : Senarai Semak Pemerhatian

**Lampiran G** : Analisa Audio dan Video

**Lampiran H** : Gambar Kumpulan Ghazal SMK Maokil Felda Labis Johor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**SENARAI RAJAH**


| Rajah | | Muka surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Carta *Repertoir* Lagu-Lagu Ghazal | 14 |
| 2.2 | Carta Asas-asas Pengajaran dan Pembelajaran | 15 |
| 2.3 | Situasi Perbincangan | 27 |
| 2.4 | Piramid Pembelajaran | 30 |
| 2.5 | Pendekatan memusatkan guru | 32 |
| 2.6 | Pendekatan penerangan-perbincangan | 33 |
| 2.7 | Pembelajaran secara aktif | 34 |
| 2.8 | Kerangka Teoritik | 35 |
| 2.9 | Gambar Rajah Trianggulasi | 44 |
| 2.10 | Baluk *(Staff Line)* | 60 |
| 2.11 | Carta Nota Muzik | 61 |
| 2.12 | Klef Muzik | 62 |
| 2.13 | Bar | 62 |
| 2.14 | Bar Ulangan | 62 |
| 2.15 | Skel Daitonik Major | 63 |
| 2.16 | Tanda Kromat | 63 |
| 2.17 | Situasi kelas pengajaran oleh penggiat | 79 |
| 2.18 | Corak irama latihan petikan gambus | 85 |
| 2.19 | Persamaan alat muzik ghazal dengan alat muzik yang ditawarkan dalam muzik KBSM | 96 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI JADUAL

**Senarai jadual** **Muka surat**


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Kaedah Pengumpulan Data | 38 |
| 3.2 | Matrik Pengumpulan Data | 43 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| KBSM | : Kurikulum Baru Sekolah Menengah |
| G | : Guru |
| M | : Murid |
| OB | : Pemerhatian |
| TB | : Temu bual |
| DM | : Dokumentasi |
| AFV | : Rakaman audio video dan foto |
| PPK | : Pusat Perkembangan Kurikulum |
| KPM | : Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KPKK | : Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian |
| YWJ | : Yayasan Warisan Johor |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Bab 1 akan membincangkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara utama dalam kajian ini iaitu latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Permainan ghazal adalah merupakan permainan muzik tradisional yang amat popular dan sinonim dengan perkembangan seni dan warisan di Negeri Johor. Program pelaksanaan permainan ghazal telah diperkenalkan di beberapa buah sekolah projek di Negeri Johor di bawah pemantauan Yayasan Warisan Johor (YWJ). Program ini telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Johor dengan memilih sebanyak empat buah sekolah di setiap daerah dalam Negeri Johor. Sekolah-sekolah yang terpilih berdasarkan pencapaian cemerlang dalam bidang kokurikulum khasnya dalam bidang seni muzik. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk martabatkan muzik ghazal yang menjadi lambang kesenian seni muzik dan warisan negeri Johor. Kebanyakan jurulatih yang dipertanggungjawab untuk mengajar muzik



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ghazal di sekolah projek ini terdiri daripada penggiat seni muzik ghazal dari negeri Johor.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam memperkenalkan alat muzik tradisional pilihan di sekolah-sekolah menengah yang menjalankan mata pelajaran muzik di sekolah masing-masing. Kekurangan bahan-bahan yang melibatkan pengajaran muzik tradisional amat ketara dan menjadi permasalahan kepada guru-guru untuk membuat rujukan. Perkara ini juga berlaku terhadap permainan ensembel muzik ghazal. Kekurangan bahan rujukan yang khusus bagi pengajaran asas muzik ghazal menjadikan kajian ini amat relevan. Johaimi (1993) mengatakan bahawa kebanyakan permainan alat muzik tradisional Malaysia diajar secara lisan iaitu melalui proses imitasi. Budaya tradisi lisan ditakrifkan oleh Nettl (1990) sebagai pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan dengan menggunakan perkataan mulut. Melalui proses ini, murid akan berhubung dengan menggunakan kaedah mengajuk dan meniru perlakuan muzikal gurunya. Proses pembelajaran ini tidak menggunakan sebarang nota muzik serta bahan rujukan. Dalam proses ini, seseorang pelajar akan cuba membunyikan alat muzik tradisional dengan kaedah peniruan bunyi atau melodi tanpa menghiraukan penggunaan teknik permainan yang betul. Keadaan ini berterusan di mana bahan-bahan rujukan Pendidikan Muzik KBSM masih berkurangan walaupun telah mulanya pelaksanaan muzik tradisional Malaysia seperti kompang, caklempong dan gamelan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum Pendidikan Muzik sekolah menengah secara formal. Kebanyakan rujukan alat muzik tradisional ini disediakan dalam bentuk nota ringkas. Perkara ini disokong dengan pendapat Encik Bakhtiar Salleh (Ogos 2009) selaku Ketua Unit Pendidikan Muzik di Pusat perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut beliau adalah amat kurang bahan pengajaran atau bahan rujukan yang berkaitan dengan alat muzik tradisional termasuk ghazal. Oleh itu, kajian ini sebagai sumber bahan bercetak yang amat diperlukan untuk membantu guru-guru melaksanakan proses pengajaran asas permainan muzik ghazal.

## 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3.1 Mengetahui peralatan, *repertoire*, fungsi, teori notasi dan analisis kemahiran asas muzik ghazal.

1.3.2 Merumuskan kaedah pengajaran terhadap proses pengajaran dan pembelajaran muzik ghazal yang dikelolakan oleh jurulatih profesional.

1.3.3 Memenuhi tuntutan Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam melaksanakan pendidikan muzik tradisional di sekolah-sekolah yang terbabit.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dicadangkan ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut :

1.4.1 Apakah jenis alat muzik, *repertoire*, fungsi, teori notasi dan analisis kemahiran asas muzik ghazal ?

1.4.2 Bagaimanakah proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh jurulatih ghazal profesional ?

1.4.3 Adakah *ensembel* ghazal ini sesuai dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik sebagai memperkenalkan alat muzik tradisional pilihan ?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan dan mempunyai beberapa kepentingan tertentu. Adalah diharapkan rasional dapatan daripada kajian ini akan memenuhi kepentingan-kepentingan seperti berikut :

1.5.1 Memberikan pendedahan dan pengetahuan yang baru kepada guru-guru muzik di sekolah-sekolah yang menjalankan kelas muzik terhadap aplikasi proses pengajaran muzik tradisional ghazal di sekolah masing-masing.

1.5.2 Kesesuaian permainan muzik ghazal sebagai ensembel tradisional pilihan bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik sebagaimana yang terdapat di dalam sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan proses pengajaran yang dijalankan oleh penggiat.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil Felda Labis Johor. Sekolah berkenaan telah dipilih oleh Yayasan Warisan Johor sebagai salah sebuah sekolah rintis permainan muzik ghazal di daerah Muar Johor. Segala peralatan muzik serta jurulatih disediakan oleh pihak yayasan. Pihak sekolah Cuma menyediakan pelajar serta tempat latihan sahaja. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar yang berminat serta berbakat. Program tersebut telah dijalankan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah berkenaan bermula pada tahun 2006. Jurulatih yang bertanggungjawab untuk melatih pelajar sekolah tersebut adalah dalam kalangan penggiat seni ghazal yang berpengalaman dan diiktiraf oleh pihak Yayasan Warisan Johor. Kajian ini dijalankan kepada seorang jurulatih ghazal yang berpengalaman luas dan dipertanggungjawabkan untuk melatih sekolah-sekolah sekitar daerah Muar Johor. Oleh itu kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada jurulatih ghazal profesional lain kerana beliau mempunyai kaedahnya yang tersendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

## 1.7 Definisi Istilah

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa istilah telah diberikan definisi secara operasi dan dijelaskan mengikut konteks kajian ini. Berikut adalah beberapa definisi istilah yang berkaitan.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.1 Proses Pengajaran

Menurut Thomas F. Green (1999) tujuan mengajar ialah menukar tingkah laku dan kelakuan pelajar melalui perolehan ilmu pengetahuan atau kepercayaan baru. Dalam proses pengajaran aktiviti latihan atau pelaziman merupakan satu usaha menukarkan tingkah laku pelajar, manakala teknik tunjuk ajar digunakan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru. Ini meliputi pelbagai aspek iaitu latihan, pelaziman, tunjuk ajar yang menukarkan tingkah laku dan kelakuan, di samping membawa ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru kepada pelajar-pelajar.

### 1.7.2 Ensembel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Roger Kamien (2004) menjelaskan ensembel didefinisikan sebagai gabungan pemuzik instrumental atau kumpulan vokal. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada ensembel ghazal.

### 1.7.3 Ghazal

Menurut Ishak Abd. Aziz (1978) ghazal merupakan suatu cara permainan bunyi-bunyian dan nyanyian untuk hiburan yang akhirnya diterima oleh masyarakat Melayu sebagai salah satu muziknya. Ungku Mohd. Zaman (1998) mendefinisikan ghazal merupakan satu kesenian tradisional masyarakat Melayu negeri Johor yang paling popular dewasa ini.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.4 Jurulatih Ghazal

Ia merujuk kepada guru, jurulatih atau individu yang mempunyai kelayakan mengajar. Dalam konteks ini ia merujuk kepada penunjuk cara atau orang yang melatih sesebuah kumpulan ghazal.
http://wordnetweb.princeton.edu/

### 1.7.5 Aktiviti Kokurikulum

Halim Abdul Rahim (2004) menjelaskan secara amnya kokurikulum merujuk aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Aktiviti ini juga dikenali kurikulum tersembunyi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.8 Kesimpulan

Bab ini telah membincang dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga beberapa istilah dalam kajian ini. Fokus utama kajian ini adalah proses pengajaran yang dijalankan oleh jurulatih ghazal yang berjaya di Daerah Muar Johor.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi